

**TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM) KALI KE-44**

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
1.	Minit 44.2 (b)	<p><u>Minit 43.2 (a)</u> – mengambil maklum berhubung carta perbatuan perluasan penggunaan kad maya PutraVID melibatkan pelaksanaan aktiviti dari tahun 2018 hingga 2022 seperti dinyatakan di Lampiran B. Mesyuarat meminta supaya isu berhubung pelaksanaan kad maya yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak universiti adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Memaklumkan pemakaian kad maya kepada agensi berkaitan bagi membolehkan pelajar/pekerja dapat terus memperolehi diskaun bagi harga tiket/perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi terbabit mengikut kaedah yang dipersetujui; dan (ii) Menyemak pekeliling - pekeliling perkhidmatan yang digunakan di UPM terutamanya di Pejabat Pendaftar supaya selaras dengan pelaksanaan terkini penggunaan kad maya kepada pelajar dan pekerja. 	TWP BKU, TWP PEJ. PENDAFTAR, KBPKP	<p><u>Maklum Balas Perkara (i):</u> Pengumuman penggunaan kad maya oleh UPM telah dibuat oleh pihak CosComm pada Ogos 2018. Dicadangkan hebahan dan galakan penggunaan secara berterusan, kerana konsep penggunaan kad maya ini masih baharu dalam kalangan warga Malaysia. (Petikan Minit JPU 674.05 (e) bertarikh 13 Mei 2019)</p> <p><u>Maklum Balas Perkara (ii):</u> Pejabat Pendaftar sedang meneliti semula Pekeling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2006 berkaitan Sistem Kawalan dan Keselamatan Kampus bagi menyelaraskan pekeliling yang diguna pakai dengan pelaksanaan PutraVID. Satu perbincangan bersama pihak BKU dan iDEC akan diadakan pada Ogos 2019 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
2.	Minit 44.2 (c)	<u>Minit 43.2 (b)</u> – Mesyuarat mengambil maklum sehingga tarikh kuatkuasa terakhir pada 19 April 2019 masih terdapat sebanyak 427 dokumen QMS yang belum dipinda bagi tempoh 2011 hingga 2015. Mesyuarat meminta supaya pengemaskinian terhadap kesemua dokumen yang terlibat perlu dilaksana melalui 2 siri kuatkuasa dokumen yang masih ada iaitu pada 20 Ogos 2019 dan 20 Disember 2019.	TWP PP yang terlibat (Rujuk dokumen dalam Sistem eISO)	<p>Setakat kuatkuasa terakhir pada 31 Mei 2019, terdapat sebanyak 422 dokumen QMS yang belum dipinda oleh peneraju yang terlibat. Pemakluman berhubung tindakan yang perlu diambil telah dihebahkan kepada semua TPKD dan disalinkan TWP melalui emel pada 28 Jun 2019. Perincian berhubung perkara ini adalah seperti Laporan di Agenda 4.0.</p> <p>Maklum Balas PTI SPS : Pihak SPS sedang dalam proses semakan semua borang, senarai semak, log dan garis panduan yang masih belum dipinda bagi tempoh 2011 hingga 2015.</p> <p>PKU : PKU telah mengenal pasti terdapat 14 CPD pada tahun 2018. Sebanyak 8 dokumen telah dipinda (tarikh kuatkuasa: 19 April 2019) dan 6 dokumen lagi masih dalam tindakan (tarikh kuatkuasa: 20 Ogos 2019).</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
3.	Minit 44.3 (d)	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penambahbaikan yang dicadangkan dan pindaan dokumen ini akan berkuatkuasa pada 24 Mei 2019.	PKD	Tindakan telah dilaksana dengan tarikh kuatkuasa telah dipinda daripada 24 Mei 2019 kepada 31 Mei 2019.
4.	Minit 44.3 (g)	Mesyuarat menyokong cadangan pelaksanaan proses terjemahan dokumentasi ISO skop Proses Utama dan skop Sokongan (Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bursar) pada tahun 2019 berdasarkan garis masa proses terjemahan yang dibentangkan dengan anggaran kos sebanyak RM17,815.00 tertakluk kepada kelulusan Pihak Pengurusan Universiti.	KBPKP	Pihak CQA telah mengadakan perbincangan dengan pihak CALC dan Pejabat Bursar pada 24 Julai 2019 bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kadar yang bersesuaian untuk digunakan dalam proses penterjemahan. (Tindakan merujuk kepada Petikan Minit JPU 679.03(d) bertarikh 19 Julai 2019).
5.	Minit 44.4 (c)	Mesyuarat meminta TWP bagi PTJ yang belum melaksanakan penutupan penemuan audit dalaman tahun 2018 supaya mengambil tindakan penutupan segera bagi mematuhi kriteria sub komponen Pengurusan Kualiti Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2019.	TWP PP, TWP PTJ yang terlibat [PNC (CoSComm), SPS, PASP, PPPA, BKU, CADe, FP, FRSB, FS, FBSB, FPSK, IPPH]	Semakan terkini 29/7/19 seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">• <u>QMS</u><ul style="list-style-type: none">- 3 NCR belum tutup - IPPH (1), SPS (2) pindah ke iDEC.- 4 NCR belum tutup - FP (3), PASP (1)• <u>ISMS</u><ul style="list-style-type: none">- 1 NCR belum tutup - BAKD (1) pindah ke iDEC- 2 OFI belum tutup - BKU (1), CADe (1) pindah ke iDEC• <u>EMS</u><ul style="list-style-type: none">- 1 OFI belum tutup - FS (1)

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
				<p>Maklum balas PTI</p> <p>SPS : Bagi No. NCR SPS-11/8.5.1/S dan SPS-13/7.5.3.1/S masih belum boleh ditutup memandangkan ia melibatkan sistem. Penambahbaikan sistem masih belum dilaksanakan oleh pihak iDEC seperti dalam surat UPM.iDEC.100-11/2/2 bertarikh 1 Julai 2019 - penambahbaikan masih berjalan.</p>
6.	Minit 44.4 (d)	Mesyuarat mengambil maklum Audit Dalaman QMS Tahun 2019 telah dilaksana oleh semua PTJ kecuali Hospital Pengajar UPM bermula 27 Februari 2019 hingga 22 April 2019. Mesyuarat meminta semua TWP untuk memastikan laporan audit dalaman PTJ masing-masing dihantar selewat-lewatnya pada 30 Mei 2019 bagi mematuhi kriteria Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2019 bagi sub komponen Pengurusan Kualiti.	Semua TWP PP, TWP PTJ	100% PTJ telah menghantar laporan audit dalaman QMS sehingga tarikh penghantaran berakhir pada 30 Mei 2019.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
7.	Minit 44.4 (f)	<p>Mesyuarat mencadangkan beberapa penambahbaikan dilaksana bagi tujuan memantapkan lagi pelaksanaan audit dalaman UPM secara terasing (decentralize audit) yang mula dilaksana pada tahun 2019, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penemuan audit dalaman disemak terlebih dahulu oleh fasilitator QMS bagi memastikan penulisan penemuan dan penggunaan klausu adalah tepat; dan (ii) melantik Ketua Juruaudit dari kalangan Juruaudit Luar PTJ yang mempunyai Sijil <i>Lead Assessor</i> atau sekurang-kurangnya sesi penyelarasan penemuan dilaksana oleh Ketua Juruaudit yang dilantik di peringkat PTJ sebelum penemuan diinput ke dalam Sistem Audit Dalaman UPM. 	PAD	Cadangan yang dikemukakan akan diperhalusi bagi pelaksanaan audit dalaman QMS pada tahun 2020.
8.	Minit 44.5 (c)	<p>Mesyuarat meminta semua TWP mengambil perhatian bahawa Taklimat Pelaksanaan QMS e-OPRisk akan diadakan pada 28 Mei 2019 dan perlu dihadiri oleh TWP beserta seorang Urusetia PTJ. Proses penginputan data oleh PTJ perlu dibuat bermula Jun 2019 dan hasil pelaporan serta analisis QMS e-OPRisk bagi data Q1 dan Q2 tahun 2019 yang diinput oleh PTJ akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-45.</p>	Semua TWP PP, TWP PTJ	100% PTJ telah menghantar laporan penilaian risiko operasi PTJ bagi sukuan kedua (Q2) melalui e-OPRISK sehingga tarikh penghantaran berakhir pada 4 Julai 2019
9.	Minit 44.5 (d)	<p>Mesyuarat mencadangkan supaya semakan dibuat dengan pihak Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti bagi memastikan maklumat yang dikumpul melalui QMS e-OPRisk adalah selaras dengan keperluan yang dihasratkan oleh pihak Universiti bagi risiko operasi.</p>	KBPKP	Semakan telah dibuat dan mendapati bahawa maklumat yang dikumpul melalui QMS e-OPRisk adalah penilaian risiko operasi QMS dan selaras dengan keperluan yang dihasratkan oleh pihak Universiti bagi risiko operasi.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
10.	Minit 44.7 (c)	meminta peneraju proses yang terlibat menghantar maklum balas data <i>pilot test</i> sebelum penghujung Mei 2019 kepada pihak PKPU bagi memastikan proses seterusnya dapat dilaksana dengan lancar mengikut perancangan.	TWP PP (TNC AA, TNC PI, TNC JIM)	<p>Status terkini pelaksanaan soal selidik pihak berkepentingan QMS adalah seperti di Laporan Agenda 7.0.</p> <p><u>Maklum balas PTI:</u> Pej. TNC JINM: Telah melaksanakan <i>pilot test</i> kepada 30 responden bagi setiap instrumen (Industri, Komuniti dan Staf UPM).</p> <p>Telah menerima responden seperti berikut dan menghantar borang kaji selidik/data kepada CosComm pada 13 Mei 2019.</p> <p>Industri : 26 responden Komuniti : 36 responden Staf UPM : 15 responden</p>
11.	Minit 44.8.1 (b)	Mesyuarat mengambil perhatian berhubung tarikh pembentangan kriteria penilaian bagi anugerah/hadiah HKIP 2019 yang akan diadakan pada 10 Mei 2019 yang perlu dihadiri oleh Timbalan Wakil Pengurusan dan wakil setiap PTJ.	Semua TWP PP, TWP PTJ	<p>Sesi taklimat telah dijalankan pada 10 Mei 2019. Sebanyak 16 anugerah/ hadiah yang dipertandingkan sempena HKIP UPM 2019 telah disampaikan oleh para peneraju anugerah/hadiah. Perincian kriteria setiap anugerah/hadiah boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM.</p> <p><u>Maklum balas PTI</u> PKU : PKU sedia maklum dan telah dibawa ke dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
12.	Minit 44.8.3	Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian bahawa terdapat perubahan pada Piagam Pelanggan Skop Pengajian Prasiswa yang akan diedarkan oleh pihak PKPU dalam masa terdekat. Justeru, mesyuarat meminta semua TWP memastikan dokumen piagam pelanggan yang dipautkan di Laman Sesawang PTJ masing-masing adalah yang terkini.	TWP PTJ (Fakulti)	Edaran Piagam Pelanggan Skop Utama telah dikemaskini pada 1 Ogos 2019.